

**AGIHAN ZAKAT MERENTASI ASNAF: KE ARAH MEMPERKASA
INSTITUSI ZAKAT**
(DISTRIBUTION OF ZAKAT (TITHE) BEYOND ASNAF: TOWARD THE
EMPOWERMENT OF ZAKAT INSTITUTION)

SANEP AHMAD

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis kemungkinan mengembangkan bentuk agihan zakat supaya zakat boleh diberikan dalam bentuk pinjaman dan kemungkinan diberikan kepada bukan asnaf yang layak melalui proses agihan merentasi asnaf. Kajian akan cuba mencadangkan satu model bagi membolehkan zakat digunakan sebagai salah satu sumber dana mikro Kredit. Dapatan kajian mendapati bahawa zakat boleh diperluas peranan dengan cara pelaksanaan agihan merentasi asnaf, dan seterusnya boleh menjadi salah satu sumber dana mikro Kredit. Sebagai sumber dana mikro Kredit zakat didapati mempunyai banyak kelebihan yang mana ia boleh menjadi sumber pinjaman sama ada yang bersifat percuma atau pinjaman qard hassan atau pinjaman dengan sedikit bayaran perkhidmatan (ujr). Kelebihan ini boleh menjadikan zakat sebagai satu sumber mikro Kredit Islam lasak.

Kata kunci: zakat; bantuan modal; merentasi asnaf; mikro Kredit; pinjaman qard al-hassan.

ABSTRACT

This study intends to analyse the possibility of expanding the zakat distribution so that zakat can be given in the form of loans and perhaps be distributed to the qualified non-asnaf beyond the asnaf distribution process. This study will propose a model to enable the zakat be utilised as a source of funding for microcredit. The result of study found that the roles of zakat can be expanded through the implementation of distribution of zakat beyond asnaf; and further as the source of fund for microcredit. As a source of fund for microcredit, zakat is found to have many advantages, whereby it can be the source of free loans, the qard Hassan financing or financing with small amount of service charge (ujr). This advantage can qualify zakat as a resilient source of Islamic microcredit.

Keywords: zakat (tithe), capital assistance, beyond asnaf, microcredit, qard al-hassan financing

1. Pengenalan

Zakat lazimnya dikutip dan diagihkan dengan cara yang konservatif dan tidak produktif. Agihan zakat hanya tertumpu kepada tujuan memenuhi keperluan perbelanjaan dan sara hidup sahaja sehingga akhirnya zakat dianggap sebagai satu elemen yang tidak signifikan fungsinya dalam membela nasib umat Islam. Walaupun jumlah kutipan zakat di kebanyakan negara Islam meningkat malahan terdapat lebih daripada agihan kepada asnaf, namun masalah kemiskinan tetap wujud. Golongan penerima zakat berterusan menerima zakat dan tidak ada usaha yang serius untuk benar-benar membantu mereka agar terkeluar daripada asnaf penerima zakat. Keadaan sedemikian sebenarnya tidak dapat memenuhi tuntutan dan

peranan sebenar institusi zakat. Satu perubahan serta reformasi bentuk agihan perlu dilakukan supaya peranan institusi zakat dapat diperkasakan.

Para ulama telah membahas mengenai hikmah dan tujuan zakat. Menurut Yusuf Al-Qardhawi (1991), terdapat dua tujuan dari amalan zakat, iaitu untuk kehidupan individu dan untuk kehidupan sosial kemasyarakatan. Tujuan yang pertama meliputi penyucian jiwa dari sifat kikir, menggalakkan sifat suka berinfak atau memberi, membina akhlak seperti mentaati Allah swt, mengubati hati dari cinta dunia, mengembangkan kekayaan batin dan menumbuhkan rasa simpati dan cinta sesama manusia. Ringkasnya zakat bermaksud memperkaya jiwa manusia dengan nilai-nilai spiritual dan menghilangkan sifat kebendaan dalam diri manusia. Tujuan kedua untuk kehidupan kemasyarakatan secara umumnya zakat merupakan suatu bahagian dari sistem jaminan sosial dalam Islam dalam mengatasi masalah kehidupan dan kemiskinan. (Yusuf Al-Qardhawi, Hukum Zakat, 1991, h. 848-876).

Tujuan dan hikmah lain dari zakat di antaranya pertama, merupakan tanda ketundukan, ketaatan, dan rasa syukur atas karunia Tuhan; kedua, zakat merupakan hak mustahik yang berfungsi untuk menolong, membantu, dan membina mereka ke arah kehidupan yang lebih baik; ketiga, merupakan teras amal bersama (jama'i) antara orang-orang kaya yang berkecukupan hidupnya dan para mujahid yang seluruh waktunya untuk berjihad di jalan Allah; keempat, sebagai sumber dana bagi pembangunan sarana dan prasarana yang harus dimiliki umat Islam, seperti sarana ibadah, pendidikan, kesehatan, sosial maupun pembangunan ekonomi. Kelima, mendorong umat untuk bekerja dan berusaha sehingga memiliki harta untuk dapat memenuhi kehidupan diri dan keluarganya serta dapat berzakat. (Didin Hafidhuddin, Zakat dalam Perekonomian Modern, 2002, h. 10-15)

Demi untuk memartabatkan lagi institusi zakat usaha proaktif perlu dilakukan oleh institusi zakat dengan mempelbagaikan kaedah agihan khususnya kepada bentuk bantuan yang produktif seperti bantuan modal. Agihan zakat dalam bentuk bantuan modal perusahaan dan perniagaan telah mula dilakukan khususnya kepada golongan asnaf fakir dan miskin yang berpotensi untuk maju. Akan tetapi bantuan tersebut terhad hanya terhad kepada golongan asnaf yang layak iaitu fakir dan miskin yang memenuhi syarat tertentu sahaja.

2. Isu dan objektif

Persoalan utama yang ada ialah selain daripada golongan asnaf fakir dan miskin terdapat juga golongan individu berpendapatan rendah yang boleh dianggap miskin akan tetapi melepasi had kifayah golongan asnaf. Lantaran itu mereka tidak layak untuk memohon bantuan modal daripada zakat. Golongan ini juga sukar dan tidak layak untuk mendapat bantuan daripada institusi kewangan seperti bank. Jika dibiarkan tanpa bantuan golongan ini berkemungkinan akan menjadi asnaf penerima zakat sedangkan ia berpotensi untuk menjadi pembayar zakat sekiranya mendapat kemudahan bantuan modal. Jadi bagaimanakah skim bantuan yang membolehkan golongan sederhana miskin layak menerimanya.

Bagaimana institusi zakat boleh berperanan dengan lebih baik dalam erti kata bagaimanakah institusi zakat boleh memperluas peranannya sebagai sumber dana khususnya kepada golongan *sederhana miskin*, iaitu golongan miskin diluar asnaf. Golongan ini tidak berpeluang mendapatkan bantuan modal zakat walau pun ia miskin kerana semata-mata atas alasan mereka tidak tergolong didalam golongan asnaf penerima zakat. Sumber zakat adalah penting bagi golongan ini kerana sumber bantuan dan kredit lain amat sukar diperolehi bagi golongan seperti ini.

Sehubungan itu, kajian ini cuba meneroka kemungkinan memperluas peranan institusi zakat sebagai salah satu sumber mikro Kredit untuk golongan miskin dan sederhana miskin. Secara khusus kajian akan mengkaji pandangan syarak terhadap langkah mengagihkan zakat

dalam bentuk modal pelaburan dan seterusnya cuba membina model mikro Kredit berasaskan zakat berdasarkan konsep agihan merentasi asnaf.

Artikel ini terdiri daripada lima bahagian utama. Bahagian seterusnya ini akan membicarakan secara umum tentang asnaf dan agihan zakat dan diikuti oleh kajian lepas berkenaan agihan zakat termasuk fatwa berkenaan keizinan untuk mengagihkan zakat dalam bentuk bantuan modal. Model mikro Kredit bersaskan konsep agihan zakat dengan merentasi asnaf akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya dan diakhiri dengan kesimpulan.

3. Asnaf dan agihan zakat

3.1 Kategori Asnaf Zakat

Asnaf zakat terbahagi kepada 8 golongan berdasarkan kepada firman Allah swt dalam surah at-Taubah ayat 30 :

"Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dibujuk hatinya, untuk (memerdekakan) budak, orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan, sebagai sesuatu ketetapan yang diwajibkan Allah; dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".

Berdasarkan ayat tersebut, para ulama' Islam telah mendefinisikan asnaf tersebut seperti berikut:

3.1.1 Asnaf Fakir

Seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan atau menerima pendapatan dari sumber-sumber lain yang jumlahnya tidak sampai 50% daripada keperluan harian dan keperluan tanggungannya dan tidak sampai 50% daripada belanja hidup seseorang yang hidup sederhana dan orang-orang tanggungannya.

3.1.2 Asnaf Miskin

Seseorang yang mempunyai pekerjaan atau hasil usaha yang hanya memenuhi sebahagian keperluan asasinya tetapi tidak mencukupi untuk menampung keperluan harian dan juga menampung keperluan orang-orang tanggungannya.

3.1.3 Asnaf Amil

Mereka yang terlibat secara langsung dengan institusi zakat samada individu atau organisasi bagi mengurus dan mentadbir hal ehwal zakat termasuk urusan pemungutan, agihan, urusan kewangan dan sebagainya.

3.1.4 Asnaf Muallaf

Mereka yang dijinakkan hatinya atau yang diharapkan kecenderungan hatinya untuk menerima Islam atau yang memeluk Islam (tetapi belum kukuh Islamnya). Ianya dibahagikan kepada dua iaitu:

(a) Muallaf beragama Islam

- Baru memeluk agama Islam
- ketua-ketua kaum Islam yang baik hubungan dengan ketua-ketua kumpulan bukan Islam yang sejawatan atau sama taraf dengannya
- ketua-ketua kaum Islam yang masih lemah iman tetapi masih ditaati oleh orang-orang yang di bawah pimpinannya
- orang-orang Islam yang tinggal di perbatasan yang berhampiran dengan negara musuh Islam

(b) Muallaf bukan Beragama Islam

- boleh dipujuk supaya masuk Islam
- boleh dipujuk supaya tidak merbahaya kepada orang Islam

3.1.5 Asnaf Ar-riqab

Memerdekakan orang-orang Islam daripada cengkaman perhambaan dan penaklukan samada dari segi cengkaman fizikal atau mental seperti cengkaman kejahilan dan terbelenggu di bawah kawalan orang-orang tertentu.

3.1.6 Asnaf Al-Gharimin

Golongan yang berhutang untuk memenuhi keperluan asas bagi kemaslahatan diri, keluarga tanggungannya atau masyarakat yang memerlukan penyelesaian segera dan dibenarkan oleh hukum syarak.

3.1.7 Asnaf Fisabillah

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti untuk menegak, mempertahankan dan mendakwahkan agama Islam serta kebajikannya.

3.1.8 Asnaf Ibnu Sabil

Mana-mana orang atau pihak yang melibatkan diri dalam suatu aktiviti atau aktiviti yang dibenarkan syarak seperti musafir dan menuntut ilmu agama.

3.2 Agihan Zakat

Dana zakat perlu diagihkan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh syarak. Secara umumnya objektif, prinsip dan kaedah agihan adalah seperti berikut:

3.2.1 Objektif agihan zakat

- Melaksanakan agihan zakat bagi memenuhi keperluan asnaf dari aspek sara hidup sepertimana perintah Allah swt.
- Menyalurkan agihan zakat dengan lebih efisien
- Mewujudkan masyarakat seimbang dari segi ekonomi, rohani, duniawi dan ukhrawi
- Mengurangkan kadar kemiskinan

- Meningkatkan syiar Islam
- Mempelbagaikan program agihan zakat sesuai dengan keperluan semasa asnaf

3.2.2 Prinsip agihan Zakat

Dana zakat diagihkan oleh pengurus zakat adalah berdasarkan kepada 6 prinsip berikut iaitu menyeluruh, ketetapan, hak, pengawasan, mencukupi, dan serta merta.

1. Isti'ab (menyeluruh)

- a) Harta zakat wajib diagihkan kepada semua asnaf. Walaubagaimana pun jumlahnya tidak semestinya sekata iaitu 1/8 bagi setiap asnaf. Bahagiannya boleh berbeza mengikut keperluan serta mengikut golongan yang diutamakan dan yang boleh dikemudiankan.
- b) Golongan yang terawal dan diberi keutamaan ialah fakir, miskin dan amil, manakala golongan yang boleh dikemudiankan ialah mualaf, fisabilillah, ibnu Sabil, al-Riqab, dan al-gharimin.

Harta zakat diagih mengikut keperluan asnaf berdasarkan keutamaan. Pemindahan peruntukan dari satu asnaf ke asnaf yang lain dibenarkan berdasarkan kepada keperluan dan lebih yang ada.

2. Ikhtisas (ketetapan)

- a) Harta zakat hanya boleh diagihkan kepada lapan asnaf yang disebut Allah swt di dalam suarah At Taubah ayat 60.
- b) Tiada ijtihad lagi dalam masalah menentukan asnaf yang menerima zakat kecuali pada perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan agihan kepada asnaf
- c) Sebarang "QIAS" yang hendak dibuat mestilah tidak keluar dari asnaf yang lapan.
- d) Pengagihan dibuat kepada mereka yang menetap di negeri pembayar zakat dalam tempoh yang ditetapkan.

3. Hak

- a) Zakat adalah hak maka harta zakat mesti disalurkan kepada asnaf. Polisi / prosedur agihan wajar dibuat bagi melicinkan proses agihan tetapi tidak boleh hingga menafikan hak asnaf.
- b) Wang zakat diagih mengikut keperluan semasa asnaf.

4. Muraqabah (Pengawasan)

- a) Semua agihan zakat hendaklah dilakukan dengan pengawasan dan kawalan rapi pemerintah.
- b) Sebarang pengagihan zakat yang meragukan perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Fatwa dan Jawatankuasa Zakat Dan Fitrah.
- c) Setiap peringkat kelulusan dan keputusan hendaklah dibuat berdasarkan sifat-sifat takut kepada Allah, bertanggungjawab, ikhlas dan amanah

5. Al-Kifayah (Mencukupi)

- a) Menepati keperluan asasi sebenar
- b) Berdasarkan kepada hak yang ditentukan Syarak.
- c) Pemohon diberi hak menerima zakat apabila tidak memenuhi had kifayah yang ditetapkan.
- d) Penentuan kelayakan berdasarkan had kifayah sesuatu kawasan

6. Fauran (Serta merta)

- a) Agihan dilakukan dengan segera selepas dikenalpasti layak menerima zakat. Kakitangan yang terlibat memproses permohonan hendaklah menjalankan tugas dengan segera bersesuaian dengan prinsip Muraqabah.
- b) Wang zakat tidak seharusnya disimpan atau berbaki

3.2.3 Kaedah Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Miskin

Syarak menyatakan secara khusus golongan yang layak menerima agihan zakat iaitu 8 golongan, tetapi tidak menyatakan secara khusus bagaimana zakat harus diagihkan. Apa yang ditekankan ialah ia harus memenuhi 6 prinsip agihan yang ditentukan. Prinsip yang amat penting dalam pengagihan zakat kepada asnaf fakir dan miskin untuk memenuhi keperluan sara hidup atau bantuan untuk mengeluarkannya daripada asnaf.

Bantuan sara hidup ialah berdasarkan hak dan mencukupi. Konsep mencukupi yang diamalkan sebelum ini ialah jumlahnya mencukupi untuk memenuhi keperluan *sara hidup*, sama ada ia diberikan secara harian, bulanan atau tahunan. Dalam konteks usaha untuk membasmi kemiskinan bantuan perlu mencukupi sebagai sumber yang produktif dan mempunyai impak yang besar terhadap kehidupan fakir dan miskin. Lantaran itu usaha telah dilakukan untuk mengagihkan zakat dalam bentuk **bantuan modal**.

Bantuan zakat dalam bentuk modal dibenarkan berdasarkan keputusan **Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor** Darul Ehsan Mengenai Pembaharuan dan Pelaksanaan Agihan Modal. Jawatankuasa ini telah membuat keputusan seperti berikut:

“Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Fatwa) Negeri Selangor yang diadakan pada 23 Mac 1998 memutuskan untuk bersetuju dan menerima dengan pembaharuan pelaksanaan agihan modal melalui konsep bayar semula separuh peruntukan agihan modal dalam Dana Amanah Fakir/Miskin dan Muallaf (DAM)”

3.2.4 Keterbatasan bantuan modal

Terhad hanya kepada orang fakir dan miskin. Golongan yang sederhana miskin tidak mendapat kemudahan ini kerana pendapatan mereka melebihi had kifayah yang ditetapkan. Ini adalah kerana had kifayah yang ditetapkan amat rendah. Amalan yang diguna pakai menetapkan had kifayah adalah seperti berikut:

- (a) **Takrif Fakir:** Fakir ialah orang Islam yang tidak mempunyai harta dan hasil usaha(pekerjaan) yang halal dan layak dengannya untuk memenuhi keperluan dirinya dan tanggungannya termasuk makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain. Contohnya: Seseorang yang memerlukan RM10.00 sehari tetapi hanya memperoleh RM4.00 sahaja atau kurang daripadanya sehari. Ciri-ciri pendapatan Fakir:

- Dalam Bandar: Pendapatan kurang daripada RM200.00 sebulan atau RM33.00 sekepala
- Luar Bandar: Pendapatan kurang daripada RM 180.00 sebulan atau RM30.00 sekepala

(b) Takrif Miskin: Miskin ialah orang Islam yang mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang halal dan layak dengannya tetapi tidak mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan tanggungannya. Contohnya: Seseorang yang memerlukan RM 10.00 sehari tetapi hanya memperoleh RM 7.00 atau RM 8.00 sehari.

Kaedah agihan perlu lebih komprehensif. Usaha perlu dilakukan bagi menjadikan zakat lebih komprehensif yang mana peluang memperoleh terbuka kepada semua golongan miskin dan sederhana miskin serta terjamin dan berkesinambungan dari segi dananya, mudah diperolehi tanpa cagaran, boleh menjadi *qard al-hassan*, disamping pemantauan yang lebih prihatin, dan seterusnya berpeluang menjadi sumber dana secara global. Langkah perlu diambil agar zakat dapat menjadi sumber lebih produktif dan memberi impak yang besar kepada golongan fakir dan miskin serta sederhana miskin. Salah satu langkah yang boleh dilakukan ialah menjadikan zakat sebagai salah satu sumber mikrokredit kepada semua golongan miskin dan sederhana miskin.

4. Kajian Lepas

Institusi kewangan Islam khususnya institusi zakat dan perbankan sememangnya mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskinterutama sekali dalam usaha membasmi kemiskinan (Zarqa 1988; Ahmed 2003, Sidiqqi 2004). Tumpuan umat Islam selama ini adalah terhadap institusi zakat. Malangnya zakat lazimnya dikutip dan diagihkan dengan cara yang konservatif dan tidak produktif. Agihan zakat hanya tertumpu kepada tujuan memenuhi keperluan perbelanjaan sara hidup sehingga akhirnya zakat dianggap sebagai satu elemen yang tidak signifikan fungsinya dalam membela nasib umat Islam. Walaupun jumlah kutipan zakat dikebanyakan negara Islam meningkat malahan terdapat lebih daripada agihan kepada asnaf, namun masalah kemiskinan tetap wujud. Salah satu cara untuk merealisasikan impian tersebut ialah melalui penggunaan institusi zakat sebagai sumber bantuan modal. Dalam merealisasikan peranan institusi kewangan Islam sebagai sumber mikrokredit telah dicadangkan beberapa kaedah yang boleh dilakukan.

Saranan telah diberikan agar institusi kewangan Islam khususnya perbankan memberi bantuan modal dengan mengaplikasikan kontrak yang menepati syariah seperti *mudharabah*, *murabahah*, *ijarah* dan *qard hassan* (Chiara S 2005, Grace 2005). Walaupun kaedah ini boleh diamalkan mengikut syarak tetapi ia agak kurang menguntungkan dan agak membebankan peminjam. Selain daripada itu kaedah ini selalunya memerlukan cagaran sebagai jaminan hutang melalui pengaplikasian konsep *ar-Rahnu* (Baharum 2005). Walaupun kaedah *ar-Rahnu* boleh dilaksanakan dan sama cekap berbanding pajak gadai konvensional tetapi ia dianggap masih membebankan golongan miskin (Salamah 2008). Ini adalah kerana golongan miskin biasanya tidak mempunyai harta untuk dijadikan barang gadaian.

Lantaran itu telah dicadangkan agar bantuan diberikan dalam bentuk *qard al-hassan* (el-Gari 2004). Walaupun cadangan menggunakan konsep *qard hassan* amat baik dari aspek membantu golongan miskin tetapi masalah utama kredit cara ini ialah sumber kekurangan sumber kewangan. Pihak institusi kewangan juga tidak bersedia untuk memberi peruntukan yang besar bagi memenuhi tujuan ini kerana ia tidak mendatangkan keuntungan kepada bank dan juga pelabur.

Sebagai alternatifnya dicadangkan pula agar menggunakan konsep waqaf (Cizakca 2004; Ahmed 2004; Ahmed 2007). Walaupun kaedah ini sesuai dan tidak membebankan golongan miskin yang meminjam tetapi masalah utama institusi kewangan ialah kekurangan dana. Cadangan mengguna kredit melalui dana wakaf digabungkan dengan konsep qard al-hasan juga telah diberikan (Muhammad Anas, 2008). Namun persoalan kesediaan dana untuk digunakan sebagai sumber kredit menjadi persoalan serius dalam kaedah ini. Lanjutan dari masalah ini telah dicadangkan agar institusi kewangan Islam mengaplikasikan sumber awqf bersama sumber zakat dan sadaqah (Kahf 2004; Ahmed 2003; Khan M A & Shirazi S N, 2007). Kaedah yang mengaplikasikan konsep bantuan modal berasaskan ar-Rahnu, waqaf, dan zakat tetap berbentuk bantuan percuma.

Penglibatan langsung institusi zakat sebagai sumber dana amat diperlukan. Namun demikian pengalaman menunjukkan peratus kegagalan bantuan modal zakat agak tinggi (Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid 2008). Selain itu bantuan hanya terhad kepada golongan miskin sahaja. Golongan sederhana miskin yang memerlukan bantuan tetapi pendapatannya melepasi hak kifayah tidak berpeluang mendapat bantuan bersumberkan dana zakat. Satu model bantuan modal zakat yang mungkin boleh diberikan kepada golongan miskin dan sederhana miskin telah cuba dicadangkan dikenali sebagai MAIKAZ (Sanep Ahmad, 2008). MAIKAZ dijangka dapat menjadikan zakat lebih produktif dan memberi impak yang besar kepada golongan fakir dan miskin serta golongan sederhana miskin. Namun demikian struktur model MAIKAZ perlu diperjelaskan supaya ia menepati syarak dalam memenuhi kehendak agihan. Kajian ini akan cuba memberi huraikan struktur MAIKAZ berdasarkan konsep agihan zakat. Kebolehterimaan MAIKAZ disisi syarak boleh dijelaskan melalui konsep agihan zakat merentasi asnaf.

5. Agihan Zakat Merentasi Asnaf

Fatwa yang dikeluarkan oleh cendekiawan Islam dalam beberapa persidangan tentang kebenaran penggunaan zakat untuk pelaburan (Third Conference of Islamic Bank, Dubai. Safar 9, 1406 / September 23, 1985; Third Symposium on Zakah Contemporary Issues, Kuwait. Jumada al-Akhir 8, 1413 / December 2, 1992). Keizinan ini telah membuka ruang kepada pihak pengurusan zakat untuk mengaplikasikan zakat kedalam perusahaan yang produktif. Bahagian dana zakat yang boleh dilaburkan adalah seperti berikut:

- **Lebih** daripada agihan asnaf khususnya untuk keperluan sara hidup.
- **Bahagian amil** yang dimiliki oleh Jabatan Agama atau Baitul mal sebagai pihak pengurusan.

Boleh dilaburkan membawa implikasi bahawa zakat boleh menjadi sumber kredit kepada pihak yang memerlukan. Oleh kerana tumpuan pelaburan zakat adalah golongan fakir dan miskin maka struktur dan mekanisme modal zakat perlu dibentuk supaya menepati kehendak syarak dan sesuai dengan keperluan golongan tersebut. Untuk dilaburkan kepada golongan sasaran fakir dan miskin maka zakat sesuai dijadikan sebagai sumber mikro Kredit dengan jumlah pinjaman secara kecil-kecilan. Disamping itu mikro Kredit tersebut perlu juga mengambil kira semangat asal zakat iaitu memberi bantuan secara percuma.


Berdasarkan kepada bahagian dana zakat yang boleh dilaburkan serta semangat asal zakat maka struktur agihan zakat adalah dicadangkan seperti berikut:

5.1 Struktur Agihan Zakat

Bantuan diberi berdasarkan konsep hak dan konsep kredit. Konsep hak bererti zakat adalah dari hak asnaf (fakir miskin) manakala konsep kredit pula bermaksud memberi kredit dari sumber lebih asnaf lain.

Berdasarkan struktur ini bantuan diberi sama ada berdasarkan kepada konsep hak sahaja, atau kredit sahaja atau kombinasi konsep hak dan kredit. Jika dirujuk kepada bakal penerima kredit maka struktur mikro kredit mengikut golongan yang layak menerima mikro kredit tersebut adalah seperti berikut:

- i) Bantuan berdasarkan konsep hak sahaja adalah untuk golongan fakir miskin dari dana asnaf.
- ii) Bantuan berdasarkan konsep kredit sahaja adalah untuk golongan sederhana miskin dari lebih asnaf.
- iii) Bantuan berdasarkan konsep (Hak + Kredit) adalah untuk golongan fakir dan miskin




Rajah 1: Struktur Modal

5.2 Mekanisme Bantuan Modal Zakat

Mekanisme bantuan akan berpandukan kepada strukturnya kerana golongan penerima kredit adalah berbeza. Oleh itu model boleh dibina berdasarkan kepada struktur yang ada tersebut. Berdasarkan kepada struktur bantuan boleh diberi berdasarkan kepada hak asnaf atau diambil dari lebih asnaf lain.

Model 1: Model Bantuan untuk Golongan Fakir Miskin

Bantuan model untuk fakir miskin boleh dibina dalam dua bentuk iaitu bantuan berdasarkan hak bersumberkan dana asnaf fakir miskin dan bantuan berdasarkan hak dan kredit yang mana sebahagiannya diambil dari lebih asnaf lain.



Rajah 2: Dana asnaf


Model 1(a): Bantuan berdasarkan hak asnaf sahaja

Model ini adalah untuk golongan fakir dan miskin. Ia diberikan berdasarkan hak zakat yang ada untuk mereka. Oleh itu kredit yang diberikan adalah bersifat percuma dengan bersumberkan dana yang tersedia daripada bahagian zakat untuk asnaf fakir dan miskin. Sebagai pemberian atas dasar hak maka penerima tidak perlu membayar balik.

Kredit ini dianggap sebagai agihan zakat dalam bentuk pemberian modal perniagaan atau untuk perusahaan secara percuma yang *diambil daripada bahagian asnaf fakir dan miskin*.

Model 1(b): Bantuan Merentasi asnaf (berdasarkan Hak asnaf + Kredit dari lebihan asnaf lain)

Bantuan ini adalah untuk golongan fakir dan miskin. Kaedah ini mencadangkan agar modal diberi diberi berdasarkan konsep hak zakat yang sedia ada untuk mereka dan ditambah dari lebihan asnaf lain (khususnya asnaf amil) dengan konsep kredit. Kredit tambahan ini adalah sebagai tambahan kepada apa yang telah diterima sebagai modal daripada hak zakat yang ada pada mereka tetapi mungkin tidak mencukupi. Tambahan ini akan membesarkan lagi modal yang diterima. Akan tetapi modal yang diterima berdasarkan konsep hak zakat sahaja yang percuma kerana ia diambil daripada dana yang tersedia daripada bahagian zakat untuk asnaf fakir dan miskin. Sebaliknya modal tambahan dianggap sebagai kredit tambahan yang perlu dibayar balik. (Rajah 3).



Rajah 3: Kredit dan Hak


Modal tambahan boleh diambil daripada *lebih dari bahagian asnaf lain* khususnya lebih *bahagian amil* yang dimiliki oleh pengurus zakat atau baitul mal. Pihak pengurusan zakat boleh menentukan apakah bentuk kredit tambahan yang diberikan tersebut iaitu sama ada qard al-hassan atau pun perkongsian untung rugi.

Model 2: Model bantuan untuk Golongan Sederhana Miskin

Model bantuan untuk golongan miskin sederhana boleh dibina berdasarkan konsep kredit samata-mata. Golongan ini adalah golongan yang tidak mempunyai hak dalam zakat kerana pendaptannya melebihi had kifayah. Walaupun secara kewangannya mereka miskin tetapi mereka tidak layak untuk menerima agihan zakat. Oleh itu bantuan modal yang boleh diberikan kepada mereka adalah semata-mata atas dasar kredit.

Model 2(a): Bantuan merentasi asnaf

Bantuan untuk golongan ini tidak boleh diambil daripada bahagian zakat untuk asnaf fakir dan miskin, tetapi boleh diambil daripada bahagian lebih asnaf terutamanya **bahagian amil**. Oleh kerana wang zakat bahagian amil adalah milik baitul mal maka baitul mal atau jabatan agama boleh melaburkannya dalam bentuk pinjaman qard al-hassan atau pelaburan PLS. (Rajah 4). Dana zakat bahagian amil secara umumnya boleh menyediakan sumber sebanyak 1/8 daripada jumlah kutipan zakat yang dianggap sebagai satu jumlah dana yang agak besar bagi sumber pinjaman mikrokredit.



Rajah 4: Bantuan kredit

6. Kesimpulan

Kajian ini cuba meneliti pandangan syarak berkenaan dana zakat untuk digunakan dalam pelaburan dan sumber kredit. Oleh kerana zakat adalah khusus untuk golongan miskin maka kajian ini cuba mencadangkan bagaimana struktur dan mekanisma bantuan berasaskan zakat kepada golongan sederhana miskin. Kajian mendapati bahawa dana zakat boleh digunakan untuk pelaburan serta digunakan sebagai sumber kredit golongan miskin dan sederhana miskin. Dua model bantuan berasaskan zakat dicadangkan khusus bagi golongan fakir miskin dan sederhana miskin. Dana untuk tujuan ini boleh diambil daripada dua sumber iaitu pertama, bahagian asnaf fakir miskin dan kedua, bahagian amil. Pengaplikasian model ini diharap akan menjadikan peranan institusi zakat menjadi lebih komprehensif dan mantap.

Rujukan

- Ahmed, Habib. 2003. The Role of Islamic Financial Institutions in Financing Microenterprise: Theory and Practice, paper presented at the Forum on Islamic Economics and Finance, held in Amman Jordan, Sept 27-29, 2003.
- Ahmed, Habib. 2004 Role of Zakat and Awqaf in Poverty Alleviation, Occasional paper No.8, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank.
- Ahmed, Habib. 2007. Waqf-Based Microfinance: Realizing the Social Role of Islamic Finance. International Seminar on „Integrating Awqaf in the Islamic Financial Sector“ Singapore, March 6-7, 2007.
- Baharom, Muhammed. 2005. Ar-Rahnu: A New Microfinance Era in Malaysia. National Cooperative Organization of Malaysia (Angkasa).
- Chiara Segrado. 2005. Islamic Microfinance and Socially Responsible Investments. MEDA Project on Microfinance at the University of Torino.
- Cizaka, Murat. 2004. Cash Waqf as Alternatif to NBFIs Bank“. Paper presented in the International Seminar on Nonbanking Financial Institutions: Islamic Alternatives; March, 1-3; 2004, Kuala Lumpur Malaysia.
- El-Gari, Mohamed A. 2004. `The Qard Hasan Bank`, Paper presented in the International Seminar on Nonbanking Financial Institutions: Islamic Alternatives; March, 1-3; 2004, Kuala Lumpur Malaysia.
- Grace, L. Al-ZamZami, A. 2001. Islamic banking principles applied to microfinance case study: Hodeidah Microfinance Program, Yemen
- Kahf, Monzer. 2004. `Shariah and Historical Aspects of Zakat and Waqaf`, background paper presented for Islamic Research and Training institute, Islamic Development Bank.

- Khan, M Amannullah and Shirazi S Nasim. 2007. Role of Micro Credit in Poverty Alleviation: A Study with Reference to Pakistan. First National Conference on Islamic Finance. Universiti Darul Iman, Terengganu Malaysia, 21-23 Oct 2007.
- Rosbi Abd Rahman, Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid. 2008. Pelaksanaan Bantuan Modal Zakat: Analisis Perbandingan. Dlm Abdul Ghafar Ismail et.al, Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-III 2008, anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 20-22 Ogos 2008 di Corus Paradise Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Sanep Ahmad. 2008. Bantuan Modal Zakat: Sumber Mikrokredit Alternatif Kepada IKS. Prosiding Seminar Antarabangsa "Developing Regional Economy Through Networking: Role of Small Medium Enterprises (SMRE's)", Universitas Syah Kuala, Aceh Indonesia pada 26-28 Oktober 2008.
- Sayyid Sabiq. 1987. Fiqhu Sunnah (terj), Juzuk 2.
- Selamah Maamor. 2008. The Efficiency Score in Ar-Rahnu Institution, kertas dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Kali Ke-3, Anjuran Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, UKM, Corus Paradise, Port Dickson, 21-22 Ogos 2008.
- Yusuf Qardawi. 1991. Rujukan: Fiqhu Zakah Juzuk 2, muka surat 547-548.
- Zarqa, Muhammad Anas. 1988. "Islamic Distributive Schemes" in Munawar Iqbal (Editor), Distributive Justice and Need Fulfillment in an Islamic Economy, The Islamic Foundation, Leicester , p 165-216.